

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 7 Mac 2017

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah pengendali TASKA haram yang telah dikesan serta diambil tindakan yang tidak mengikut syarat dan ketetapan Kementerian dan sejauh manakah tindakan telah diambil terhadap pengendali TASKA yang mendera kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kewujudan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) haram di seluruh negara. TASKA haram ini merujuk kepada TASKA yang menjalankan operasi tanpa berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sepertimana peruntukan Seksyen 4 Akta TASKA 1984 [Akta 308] yang menerangkan seperti berikut: "Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan di bawah Akta ini". Kewujudan TASKA haram yang wujud bagai cendawan tumbuh selepas hujan adalah disebabkan daripada permintaan tinggi daripada ibu bapa yang bekerja yang memerlukan perkhidmatan asuhan untuk anak-anak mereka. Sehingga Disember 2016, sejumlah 849 TASKA haram telah dikesan oleh pihak JKJ. Daripada jumlah tersebut sebanyak 33 buah TASKA haram telah dikenakan tindakan penguatkuasaan sepanjang tahun 2016. Tindakan yang diambil ialah 9 buah TASKA telah dikenakan tindakan lak, 14 kompaun dan 10 TASKA didakwa. Kementerian juga mengambil tindakan tegas ke atas TASKA yang terlibat dengan kes penderaan ke atas kanak-kanak. Antara tindakan yang diambil ke atas pengusaha ialah dengan mengenakan tindakan penguatkuasaan seperti dakwa di mahkamah, lak dan dikenakan kompaun. Di samping itu, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan jenayah mengikut Seksyen 31, Akta Kanak-Kanak 2001.

